

08/12/1998

Inokom jual minimum 30 van sebulan

Salina Abdullah; Abdul Halim Yusoff
INDUSTRI Otomobil Komersil (M) Sdn Bhd (Inokom), meletakkan sasaran menjual minimum 30 unit sebulan van nasional pertama keluarannya, Inokom Permas di pasaran tempatan berdasarkan kepada harga yang berdaya saing dan kepelbagaian kegunaan van itu untuk semua lapisan masyarakat.

Pengarah Urusan Inokom, Lim Khoon Yee, berkata syarikat itu akan mengadakan strategi jualan langsung kepada pelanggan terutama peniaga kecil seperti peniaga pasar malam untuk membeli van yang dikeluarkan dalam tiga varian itu.

Tiga varian Permas adalah Bes Roda Pendek, Bes Roda Panjang dan Bes Roda Panjang Berbumbung Tinggi.

"Sasaran utama jualan adalah kepada individu berkeluarga dan peniaga kecil.

"Untuk itu kami akan mengumpulkan peniaga terbabit untuk memberi penerangan dan menjelaskan kami dapat mengubahsuai van berkenaan mengikut kesesuaian perniagaan mereka," katanya sambil menambah 70 unit tempahan sudah dibuat untuk van itu sehingga kini.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran van Inokom Permas oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri diwakili Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Hadir sama Pengerusi Inokom, Md Som Mangy dan Pengerusi Eksekutif Quasar Carriage Sdn Bhd, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Inokom adalah syarikat yang terbabit dalam pengeluaran kenderaan komersil ringan tempatan usaha sama antara Berjaya Group Bhd (35 peratus), anak syarikat Koperasi Polis Diraja Malaysia Bhd - Pesumal (M) Sdn Bhd (30 peratus), Renault France (15 peratus), Hyundai Motor Company (15 peratus) dan Hyumal Motor Sdn Bhd (lima peratus).

Lim berkata, Inokom Permas adalah van berbadan rendah yang dijana enjin petrol 2,165 cc dan syarikat itu menjangka dapat mengeluarkan model dengan enjin diesel pada pertengahan tahun depan.

Van asas Permas didatangkan dengan tanda harga daripada RM45,000.

Asas bermaksud van dengan dua kerusi depan dan dilengkapi penyaman udara.

Menurut Lim, Inokom Permas diedarkan dua syarikat automotif terkemuka iaitu Quasar Carriage dan Hyumal Motor dengan kedua-duanya mempunyai kira-kira 50 pengedar dan wakil servis di seluruh negara.

Sementara itu, Tengku Adnan berkata, strategi pemasaran permulaan pemasaran van itu, Quasar akan mengumpulkan semua peniaga kecil seperti peniaga pasar malam dan peniaga makanan untuk menunjukkan kesesuaian van berlantai rendah itu untuk setiap jenis perniagaan mereka.

"Inokom Pemas yang dibangun menggunakan kepakaran Renault dan Hyundai ini boleh dilengkapi dapur masak, rak dan peti sejuk sesuai untuk perniagaan makanan di pasar malam atau untuk peniaga makanan tengah hari di sekitar ibu kota," katanya.

Inokom Permas kini mempunyai 50 mata komponen tempatan dan syarikat itu menjangka dapat meningkatkannya sehingga 80 mata (70 peratus) komponen tempatan dalam tempoh tiga tahun lagi.

"Selain mengeluarkan Permas, Inokom juga dalam proses mengeluarkan trak ringan satu tonne yang juga akan dilancarkan pertengahan tahun depan," katanya sambil menambah Inokom mempunyai keupayaan pengeluaran 20,000 unit kenderaan setahun.

(END)